

188

JAWAPAN: YB PUAN HAJAH NANCY SHUKRI,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Persoalan yang dibangkitkan ini tidak boleh dijawab selaras dengan Perkara 127 Perlembagaan Persekutuan dan Peraturan 36 (8) Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJI DATU NASRUN BIN DATU
MANSUR [SILAM]**

TARIKH : 12 MAC 2015

SOALAN : 77

Datuk Haji Datu Nasrun bin Datu Mansur [Silam] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan melalui pengumuman Bajet 2015 yang dinyatakan oleh Perdana Menteri Malaysia untuk memajukan Lapangan Terbang Lahad Datu dengan peruntukan RM50 juta ringgit, apakah pelaksanaan yang telah dibuat dan impaknya kepada demografi penduduk sekitar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, susulan daripada pengumuman Bajet 2015 oleh Perdana Menteri Malaysia, Kementerian Pengangkutan telah mengadakan perbincangan dengan Kementerian Pertahanan bagi membincangkan skop projek naiktaraf lapangan terbang Lahad Datu. Cadangan penaiktarafan hanya melibatkan pembinaan bangunan pergerakan udara, pembinaan kawasan parkir pesawat (*apron*) serta pembinaan bangunan *detachment* dan tidak melibatkan pemanjangan landasan.

Lanjutan daripada itu, Kementerian Pengangkutan telah mengemukakan permohonan kepada Kementerian Kewangan untuk mendapat peruntukan bagi pelaksanaan projek menaik taraf Lapangan Terbang Lahad Datu.

Untuk makluman Y.B juga, penaiktarafan ini dilaksanakan bagi tujuan meningkatkan tahap keselamatan dan tidak akan memberi kesan kepada demografi penduduk sekitar.